

## ANJAKAN PARADIGMA WAQAF BERASASKAN PRINSIP MASLAHAH AL-MURSALAH (*Paradigm Shift in Waqf Based on The Principles of Maslahah Al-Mursalah*)

Mohd Huefiros Efizi bin Husain<sup>a\*</sup>, Mohd Nasir bin Abd Majid<sup>b</sup>, Muneer Ali bin Abdul Rab<sup>c</sup>

<sup>a</sup>*Pelajar Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

<sup>b</sup>*Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia*

<sup>c</sup>*Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah Dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia*

*\*Corresponding author: mohdhuefirosefizi@yahoo.com.my*

### Abstract

*Relationship among Muslims since the time of Adam a.s., there is contained all the admirable values that can be applied today. Disclosure of such values includes properties helping to ease the burden of the Muslim's region. Not only energy aid or grant of land, even from a financial point of also highly expected. Waqf is a way to break the impasse in the considerable challenge to the demands and needs of the various categories of property surplus sharing mechanism with the purpose of the public good. The distribution is given to strengthen the Muslim's relationship and the smooth running of daily life. Therefore, this study will describe the practice of waqf in line with technology and the development of the country in nurturing tolerance community. The objective of this study dismantling the waqf practices based on transformation of Maslahah al-Mursalah. Next explained Maslahah al-Mursalah establishment and implementation of the subject matter. The methodology of study used qualitative methods to achieve the objectives of the study involving literature methods. The results showed clearly Maslahah al-Mursalah applied in practice transformation endowment contract as today.*

**Keywords:** *Waqf practices, Maslahah al-Mursalah, transformation.*

### Abstrak

Persaudaraan ditanam dalam jiwa individu bermula sejak zaman Nabi Adam a.s. Penzahiran nilai-nilai tersebut merangkumi sifat tolong-menolong agar meringankan beban saudara seagama yang lain. Bukan hanya pertolongan tenaga mahupun pemberian tanah, malah dari sudut kewangan juga amat diharapkan. Waqaf adalah salah satu cara meleraikan segala kebuntuan di zaman yang cukup mencabar dengan pelbagai tuntutan keperluan. Ia merupakan mekanisma perkongsian harta lebihan dengan orang ramai atas tujuan kebaikan. Agihan yang diberikan mampu memperkasakan sifat persaudaraan dan melancarkan urusan kehidupan seharian. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan amalan waqaf selaras dengan perkembangan teknologi dan pembangunan negara hari ini dalam melahirkan modal insan bertoleransi. Objektif kajian ini merungkai transformasi amalan waqaf bersandarkan *Maslahah al-Mursalah*. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mencapai objektif kajian dengan melibatkan kaedah kepustakaan. Hasil kajian ini mendapati *Maslahah al-Mursalah* jelas diaplikasikan di dalam transformasi amalan akad waqaf hari ini.

**Kata kunci:** Amalan waqaf, Maslahah al-Mursalah, transformasi.

## 1.0 Pendahuluan

Agama Islam menyantuni setiap aspek kehidupan dengan menyediakan pelbagai tatacara perkongsian semula apa yang telah dimiliki ini bertujuan memastikan setiap lapisan masyarakat turut merasai nikmat tersebut terutamanya golongan yang amat memerlukannya. Antara bentuk perkongsian tersebut ialah melalui amalan wakaf. Prinsip *tabarru* dalam amalan waqaf memberi kesedaran bahawa harta yang diwakafkan adalah milik Allah S.W.T dan ia berpotensi dimanfaatkan secara berterusan oleh orang lain. Pemahaman amalan wakaf itu merupakan ibadah yang memiliki dua nilai utama. Pertama, *taqarrub* iaitu ibadah untuk mendekatkan diri (orang yang berwakaf) dengan Allah S.W.T. dan kedua, *ta'awwun* iaitu pertolongan ke atas bermacam fungsi sesama manusia. Konsep *Maslahah al-Mursalah* adalah salah satu pelaksanaan terhadap kehendak pengamalan wakaf pada dunia serba canggih ini agar dapat diteruskan dengan pelbagai keupayaan. Selain keupayaan menjana ekonomi dan pembangunan sosial umat Islam, ia dapat meningkatkan kualiti sifat kemanusiaan sesama sendiri dengan transformasi pengurusan amalan waqaf yang produktif, semangat yang dipupuk dan kesedaran yang dipamerkan selari dengan kehendak dan keperluan hari ini.

## 2.0 Metodologi Kajian

Kaedah kajian merupakan kaedah yang sistematik untuk menyelesaikan permasalahan kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data. Kajian kualitatif ini juga bertujuan menilai penerapan *Maslahah al-Mursalah* sebagai agen transformasi di dalam amalan waqaf

## 3.0 Metod Pengumpulan Data

Metod pengumpulan data dalam kajian ini ialah kajian perpustakaan (*library research*). Ia diperolehi daripada hasil penulisan dan dokumen bertulis yang dapat memberikan keterangan dan digunakan sebagai bukti yang sahih tentang suatu kenyataan. Ini merangkumi sumber-sumber dalam bentuk dalil dari al-Quran, hadis, buku-buku, jurnal, disertasi, prosiding seminar, kertas kerja dan laman web. Data yang diperolehi dihimpun, dikaji dan menjadi panduan dalam mengenalpasti kaedah yang terbaik *Maslahah al-Mursalah* di dalam memperkasakan amalan waqaf.

## 4.0 Metod Analisis Data

Dalam menganalisis data, pengkaji secara umumnya menggunakan metod analisis deskriptif kualitatif iaitu dengan menilai mutu dan kesahihan data tersebut. Metod ini adalah satu kaedah untuk menganalisa data yang terhasil dan pemikiran yang ada iaitu membuat kesimpulan yang bersifat khusus.

## 5.0 TINJAUAN

### 5.1 Definisi Waqaf

Perkataan waqaf berasal dari bahasa Arab iaitu وقف yang memperlihatkan dari pelbagai definisi bersandarkan penggunaannya seperti berhenti (*as-sakanu*), larangan (*al-man'u*) dan terdinding (*al-habsu*) (*Ibn Manzur*, 1990). Para fuqaha' cenderung memilih definisi terdinding (*al-habsu*) bagi menggambarkan konsep waqaf secara zahirnya kerana perkataan tersebut sering diungkapkan oleh Rasulullah s.a.w (*Al-Khatib al-Syarbini*, 1997).

Perkataan waqaf menurut istilah syarak ialah menahan sesuatu harta seseorang yang telah diwaqafkan untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Syarat sesuatu harta yang ingin diwaqafkan itu hendaklah berada dalam posisi yang baik, bersifat kekal untuk digunakan dan tujuan waqaf ini adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menyalurkan pertolongan kepada yang memerlukannya. Ini membuktikan pemberi waqaf itu tiada lagi hak ke atas harta tersebut.

Manakala pengertian waqaf menurut Imam Hanafi ialah menahan sebarang harta atau pemilikan ke atas seseorang yang pasti kepunyaannya iaitu pewakaf dan mendedahkan manfaatnya bagi niat kebajikan. Imam Maliki pula mentakrifkan waqaf sebagai pemberian dari pemilik yang menjadikan manfaat yang ada padanya sebagai waqaf walaupun dimilikinya secara sewa kepada golongan yang berkehendaknya, dengan akad tertentu dalam tempoh yang ditetapkan oleh pewakaf.

Selain itu, Imam Syafi'e dan Hanbali menyatakan waqaf adalah penahanan harta atau apa jua benda berfaedah yang mampu dimanfaatkan serta ditetapkan syarat dengan mengekalkan fizikal harta tersebut dan terputus hak pewaqaf untuk menggunakan harta tersebut kepada sesuatu kegunaan yang diharuskan (al-Zuhayli, 2002).

Kesimpulannya, waqaf adalah medium ibadat dalam mengagihkan harta bersifat kekal yang dimiliki untuk dimanfaatkan kepada golongan yang memerlukan dan ia menyifatkan terhadap tuan punya harta yang mewaqafkan harta tersebut untuk menggunakannya di samping berdiri di atas matlamat mendekatkan diri kepada Allah Taala.

## 5.2 Dalil pensyariatan Waqaf

Waqaf adalah amalan yang menyatupadukan hubungan antara pelbagai lapisan masyarakat bermula dari golongan rendah kepada golongan atasan. Waqaf bukan sahaja meraikan kaum tertentu, malah mampu merentasi sempadan negara, etnik dan warna kulit. Pensyariatan waqaf telah bermula sejak zaman awal kedatangan Islam. Banyak ayat-ayat Al-Quran yang mengemukakan tentang pengsyariatan dan ganjaran terhadap para pewakaf sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

1) *“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah dengan sengaja kamu memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu mendermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji”*(al-Quran: al-Baqarah : al-Hajr; 2.267)

Dalam ayat lain Allah S W T berfirman yang bermaksud :

2) *“Kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan sebagian harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”*. (Al-Quran : ali-Imran; 92)

Allah juga menegaskan bahawa ganjaran yang berlipat ganda dan diberikan kepada para pewakaf dalam firmanNya yang bermaksud :

3) *“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah, adalah serupa dengan sebutir benih yang menumbuhkan tujuh butir, pada tiap-tiap butir menumbuhkan seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi siapa saja yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (Kurniannya) Lagi Maha Mengetahui”*.(al-Quran : al-Baqarah: 261)

Para sahabat juga menemukan tentang cara pelaksanaan wakaf oleh Rasulullah SAW melalui satu hadis Nabi SAW yang bermaksud :

4) “*Sesungguhnya Nabi SAW sampai di Madinah, dalam keadaan di Madinah tidak ada air yang boleh diminum melainkan air Perigi Raumah. Lalu baginda bersabda: “siapakah yang mahu membeli perigi Raumah, lalu dia mewakafkannya sehingga dia meletakkan timbanya di telaga itu bersama timba-timba orang Islam, dengan ganjaran yang lebih baik baginya daripada perigi itu di dalam syurga?” lalu aku (Saidina Uthman r.a) pun membelinya dengan harta milikku sendiri sepenuhnya (Muhammad bin Isa, 1975).*

Ayat-ayat di atas menggambarkan tuntutan berbuat kebajikan dengan menyumbangkan lebih harta di jalan kebajikan kepada golongan yang berhajat darinya agar nikmat harta tersebut turut dirasakan oleh mereka. Setiap amalan yang didirikan itu adalah tidak sia-sia dengan dijanjikan ganjaran berlipat kali ganda oleh Allah SWT Maha Kaya dan Maha Mengetahui setiap yang berlaku.

Jika disingkap sejarah waqaf di zaman Kerajaan Uthmaniyyah, ia berperanan membantu dalam menyediakan pelbagai aktiviti mengembangkan sektor ekonomi masyarakat seperti pendidikan, kesihatan, kebajikan dan lain-lain yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat pada waktu itu (Cizakca, 1995).

### 5.3 Rukun dan Syarat Waqaf

Amalan waqaf tidak terkecuali dari memiliki rukun dan syarat dalam menyimpulkan amalan tersebut sah di sisi Islam. Menurut al-Nawawi rukun waqaf yang mesti dipatuhi ialah

#### 1) *Waqif* (orang yang mewaqafkan harta)

Setiap rukun yang ditetapkan mempunyai syarat tertentu sebagai garis panduan dalam mendirikan ibadat yang berlipat kali ganda ganjaran ini. Syarat waqif iaitu golongan yang menghulurkan pertolongan melalui waqaf sesuatu harta itu mestilah seorang yang merdeka (al-Baijuri, t.t). Tidak sah amalan waqaf tersebut jika waqif terdiri dari hamba sahaya kecuali dengan izin wali atau tuannya. Kedua disyaratkan tidak gila iaitu berakal sihat termasuk tidak nyanyuk dan lemah mental (Asy-Syarbini, 977H). Kemudian syarat seterusnya ialah pewakaf mestilah dewasa tidak termasuk kanak-kanak yang belum baligh kerana melihat masalah dalam pengurusan harta. Syarat terakhir bijak dalam mengatur perancangan harta dan wang termasuk tidak boros.

#### 2) *Mauquf bih* (harta atau benda yang diwaqafkan)

Islam mengajar kepada penganutnya erti sebuah kebajikan. Harta atau benda yang mahu diwaqafkan mestilah mempunyai nilai tersendiri agar ia boleh digunapakai dan dimanfaatkan bersama. Antara syarat harta tersebut ialah benda yang boleh digunakan, bersifat kekal sama ada sifatnya tetap atau bergerak, jelas diketahui nilainya sama ada berbentuk mata wang atau perkiraan seperti tanah dan telah dimiliki bukan dengan mewaqafkan harta atau benda orang lain yang bukan di dalam memilikinya.

#### 3) *Mauquf ‘alaih* (pihak yang menerima harta atau benda yang diwaqafkan)

Para ulama bersepakat jika harta yang diwaqafkan ini di gunakan oleh pihak tertentu atas tujuan kebajikan namun terdapat perselisihan pendapat jika di lihat dari sudut ibadat. Contohnya Mazhab Hanafi berpendapat mestilah harta waqaf tersebut disyaratkan untuk menegakkan syiar-syiar Islam dan ibadat agama ini sahaja. Maka tidak sah jika bertujuan ibadat agama selainnya. Mazhab Maliki pula bersandarkan kepada pendirian *waqif* (pemberi

yang beragama Islam dan tidak sah jika sumbangan kepada ibadat Muslim seperti mendirikan masjid dan menegakkan syiar Islam oleh *waqif* selain beragama Islam. Manakala Mazhab Syafi'e dan Hanbali pula memandang kepada keperluan memakmurkan ajaran Islam seperti menyediakan masjid tanpa melihat latar belakang *waqif* sama ada muslim atau sebaliknya. Maka sah amalan waqaf untuk ibadat tersebut namun tidak sah jika *waqif* terdiri dari muslim untuk mendirikan gereja.

4) *Sighah* (pernyataan atau ikrar dari *waqif* di atas amalan waqaf tersebut)

*Sighah* merupakan pernyataan persetujuan sesuatu amalan antara dua pihak. *Sighah* waqaf melibatkan lafaz lisan, tulisan atau isyarat yang difahami dari golongan tertentu seperti bisu atau pekak dengan tujuan menolak sebarang pertelingkahan di kemudian hari (Elsa Kartika Sari, 2007). Lafaz *sighah* waqaf terbahagi kepada lafaz yang jelas (*sorih*) yang sering diamalkan dalam sebarang pengurusan melibatkan amalan waqaf ini dan lafaz kiasan (*kinayah*) yang harus dikembalikan kepada niat asal ibadat waqaf tersebut (Direktorat Pemberdayaan Wakaf, 2006).

#### 5.4 Masalah al-Mursalah

Agama Islam adalah satu-satunya agama yang memperlihatkan dalam setiap sudut melampaui pemikiran sejak dahulu sehingga hari akhirat. Oleh yang demikian ajaran Islam tidak lain bertujuan memberi kesejahteraan, keamanan dan kebahagiaan kepada semua. Inilah yang diperjelaskan menerusi cakupan *Maslahah al-Mursalah* dengan membawa kemanfaatan dan menolak setiap kemudharatan. Imam ar-Razi menerangkan *Maslahah* berasal dari *sod lam ha* (ص ل ه) dan *al-Masolih* merupakan kata jamaknya yang membawa maksud kemaslahatan, kemanfaatan dan kebaikan, manakala kata lawannya ialah kerosakan dan kemudharatan.

*“Dan apabila dikatakan kepada mereka “Janganlah kalian membuat kerosakan di muka bumi, mereka menjawab “Sesungguhnya kami orang-orang yang melakukan kebaikan.”*

(al-Quran : al-Baqarah; 11)

Definisi *Maslahah al-Mursalah* menurut Imam al-Ghazali adalah penetapan yang tidak dinyatakan secara khusus di dalam al-Quran dan Hadis tentang keujahannya sama ada diterima atau ditolak sebagai sumber peletakan hukum. Justeru *Maslahah al-Mursalah* diambil sebagai menjawab hal-hal pensyariat Islam yang baharu muncul meskipun tidak dijumpai dalil sahih ke atasnya. Manakala pendapat Imam al-Shatibi (t.t) tentang *Maslahah al-Mursalah* pula adalah penetapan masalah yang tiada sandaran kukuh secara pasti mengenai kebolehan dan juga penafian terhadapnya dari sumber hukum terdahulu. Walaubagaimanapun ia mesti berpegang kepada syariat Islam.

Para berusaha keras mencari jawapan melalui ijtihad terhadap hukum-hukum yang timbul selepas berakhirnya penurunan wahyu asal terdahulu supaya ummat Islam ketika itu menjalani rutin harian kehidupan dengan rasa selamat tanpa was-was. Begitu juga definisi dari Syaikh Abdul Wahab Khallaf iaitu “*maslahah* yang tidak disyarakkan di dalam syariat Islam secara hakikat dan tiada dalil yang menetapkan boleh atau tidak boleh mengamalkannya (Abdul Wahab Khallaf, 2009)”. Daripada definisi yang diberikan jelas menunjukkan konsep *Maslahah al-Mursalah* sebagai tatacara baharu dalam mendaulatkan hukum Islam dengan membawa kebaikan dan meninggalkan yang sebaliknya demi merealisasikan kehidupan umat yang sejahtera di samping mendapat keberkatan dari Allah SWT. Sebagaimana dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur.”*

(al-Quran, al-Baqarah: ayat 185)



## 5.5 Syarat-syarat Masalah al-Mursalah

Manakala syarat *Maslahah al-Mursalah* terbahagi kepada lima, ia ditetapkan oleh para mujtahid agar setiap penerapannya terhadap perihal baharu muncul tanpa adanya sandaran khusus dari sumber-sumber hukum asal dilaksanakan secara telus tanpa kepentingan peribadi sahaja dan peneragaman sebagai sumber hukum baharu. Syarat pertama ialah bertujuan untuk berpegang kepada pendirian membawa kemanfaatan dari segenap aspek dan terhindar dari segala kemudharatan. Kedua, mestilah bersifat menyeluruh dan bukan hanya melibatkan kepada hanya sebahagian dan memfokuskan kepada sesetengah hal dan sasaran. Seterusnya, syarat ketiga *Maslahah al-Mursalah* itu berupa hakiki dan bukannya atas dasar sangkaan dan tekaan perasaan. Kemudian *Maslahah al-Mursalah* itu disandarkan kepada syariat Islam dan kepada perkara-perkara yang bersesuaian melibatkan pemeliharaan agama, akal, jiwa, akal dan harta sebagai syarat keempat. Dan syarat terakhir ialah penerapan *Maslahah al-Mursalah* kepada penetapan sesuatu hukum bukan ditunjangi oleh hawa nafsu semata-mata. Jika ya, maka ia bukan dinamakan *Maslahah al-Mursalah* dan tidak sah mengamalkannya kerana mengundang kerosakan.

## 6.0 6DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan senarai dapatan kajian dan perbincangan yang dikemukakan oleh pengkaji hasil penelitian pembacaan dan bersesuaian dengan objektif tajuk penulisan ini. Justeru, pengkaji menyusun perbincangan mengikut jenis waqaf yang tertentu agar memudahkan pembacaan dan pemahaman.

### 6.1 Waqaf Pembinaan Pendidikan Tinggi

Amalan waqaf di dalam sektor pendidikan bukan asing di kalangan masyarakat dunia sejak dahulu bahawa ia dipandang sesuatu keutamaan dalam memakmurkan bumi. Justeru galakan pembinaan institusi pengajian tinggi dewasa ini menarik minat para dermawan untuk mengambil bahagian dalam menyumbang keperluan yang diharapkan berbentuk waqaf. Oleh yang demikian, sambutan waqaf di dalam sektor ini adalah kerana kesedaran masyarakat, populasi penduduk Islam yang tinggi, tahap ekonomi yang stabil dan diselia oleh bahagian pengurusan yang cekap (Abdul Halim Sunny, 2007).

Pendidikan tinggi didefinisikan sebagai peringkat pembelajaran dan pendidikan di peringkat lebih tinggi. Lulusan sekolah menengah yang mencakupi pengajian diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dijadikan modul pembangunan sistem pendidikan negara dengan antaranya melahirkan insan yang intelek, berketerampilan dan berupaya mencapai kesejahteraan hidup sebagai objektif utama (Akta Pendidikan, 1996).

Mengambil inisiatif waqaf pendidikan tinggi seperti di Universiti al-Azhar al-Syarif, Universiti Oxford dan al-Jamiah al-Islamiyyah di Madinah, Kolej Islam Malaya (KIM) atau dikenali hari ini sebagai Universiti Islam Malaysia (UIM) merupakan institusi pendidikan tinggi waqaf pertama di Malaysia. Selain itu, ia telah mendapat pengiktirafan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (Abdul Talib Hamid, 2001) dan diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Ke-222 pada tahun 2010. Institusi pendidikan di peringkat pengajian tinggi ini mendapat perhatian dengan menerima pembiayaan dana dari Taikun Cina, kerajaan Arab seperti Arab Saudi dan Kuwait dan di samping itu dana waqaf dari tujuh pihak pelbagai syarikat, pertubuhan dan individu berjumlah RM5.18 juta. Penubuhan institusi pada tahun 1955M ini hanya menerima kumpulan pelajar pertama berjumlah 58 orang. Tuan Ismail Umar Abdul Aziz dilantik sebagai Guru Besar ketika itu. Selang 5 tahun kemudian, ia turut dibuka untuk pelajar perempuan (Mohd Syakir Mohd Taib, 2015).

Di sini jelas membuktikan nilai *Maslahah al-Mursalah* dipraktikkan di kalangan masyarakat Malaysia terutamanya dengan mengamalkan sumbangan waqaf ke atas pembinaan institusi pengajian tinggi KIM atau dikenali UIM hari ini demi mengurangkan keciciran dan ketinggalan kanak-kanak di dalam pelajaran terutamanya di negara ini atas sebab kemiskinan. Ia dilihat untuk menjaga agama,

akal, keturunan dan harta agar Islam terus unggul di masa akan datang dengan melahirkan generasi yang mampan sebagai bakal peneraju dunia hari esok.

## 6.2 Waqaf Perumahan

Waqaf tidak tertumpu kepada wang semata-mata, namun ia melibatkan penyediaan projek perumahan bagi membantu golongan miskin, ibu tunggal dan yang amat memerlukan dengan mengenakan bayaran sewa perumahan yang rendah (Pejabat Audit Negara Malaysia, 2002). Contohnya wakaf perumahan ialah Projek Rumah Pangsa Al-Ehsan di Melaka yang bernilai RM2.27 juta melibatkan 40 unit kediaman dan 14 unit kedai oleh Tabung Amanah Saham Wakaf. Di samping itu, Pulau Pinang turun membangunkan projek perumahan di atas tanah waqaf Khan Mohamed yang terletak di Jalan Perak dengan 32 unit rumah pangsa kos sederhana, satu blok pangsapuri kos sederhana rendah setinggi 24 tingkat di atas tanah waqaf Masjid Sungai Nibong dan di atas tanah waqaf Masjid Alimsah Waley di Lebuh Chulia melibatkan 56 unit kediaman (Asmak Ab Rahman, 2009).

Oleh yang demikian, amalan waqaf dalam membangunkan projek perumahan merupakan satu langkah yang terpuji bagi menyediakan tempat kediaman kepada golongan kurang bernasib baik. Ia buka sekadar tempat berteduh dari hujan dan panas, malah tempat menjaga keselamatan dari sebarang ancaman, beribadat dan rutin harian yang lain dalam memelihara maruah keluarga dan kesejahteraan hidup di samping mencapai prinsip *Maslahah al-Mursalah*.

## 6.3 Waqaf Pusat Kesihatan

Kesedaran memelihara kesihatan hari ini dilihat semakin mendapat perhatian dari masyarakat tidak kira peringkat umur. Justeru Johor Corporation (JCorp) menerusi Masjid An-Nur Kotaraya di Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) menyediakan pusat kesihatan berasaskan waqaf dengan penubuhan Klinik Waqaf An-Nur di Lot 85, 86 dan 87 tingkat 3, Plaza Kotaraya Sehingga kini, Klinik Waqaf An-Nur telah memiliki sembilan belas cawangan di sekitar Malaysia bagi menyalurkan perkhidmatan perubatan seperti di Johor, Negeri Sembilan dan Sarawak (WANCorp, 2014). Selain itu, telah dibina Hospital Waqaf An-Nur di Johor dengan menawarkan perkhidmatan dialisis dengan kadar subsidi kepada pesakit-pesakit yang kurang berkemampuan (JCorp, 2009).

Konsep *Maslahah al-Mursalah* jelas diterapkan di sini dengan penubuhan pusat kesihatan seumpama ini bagi memelihara nyawa setiap pesakit dan melestarikan ekonomi golongan muslim dalam menyalurkan perkhidmatan yang terbaik dalam memberi kemanfaatan dan menolak kemudharatan kepada golongan yang memerlukan.

## 6.4 Waqaf Korporat Penjana Ekonomi

Amalan waqaf bukan hanya tertumpu kepada pemberian sumbangan waqaf yang diperolehi kepada masyarakat semata-mata malah mampu diselami menerusi pulangan pendapatan dan agihan. Amalan waqaf seumpama ini telah dilaksanakan di beberapa negeri seperti Johor, Kedah dan Selangor. Ini dibuktikan melalui pembelian lima premis sumbangan waqaf dan disewakan. Kemudian, hasil sewaan tersebut dikategorikan sebagai pendapatan hasil waqaf yang diseliakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS, 2014).

Selain itu Johor Corporation (JCorp) tidak terkecuali merencana sektor ekonomi dengan menubuhkan kumpulan Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp). Ia bermula sejak 25 Oktober 2000 dan berfungsi untuk menyelia aset dan saham-saham syarikat yang telah diwaqafkan dari kumpulan JCorp kepada WANCorp dan jumlah yang diwaqafkan adalah RM200 juta (Bernama, 2007). Waqaf cara ini dikelaskan sebagai Waqaf Korporat yang bersifat kontemporari dan dipercayai sebagai waqaf korporat yang pertama di dunia yang dibangunkan oleh syarikat perniagaan korporat (Majalah Milenia Muslim).

Usaha ini dilihat dari sisi *survival* harta yang telah diwaqafkan agar mampu digunapakai dengan lebih mampan dan berkesan melalui pulangan pendapatan dan agihan. Semestinya ia bersifat

kemanfaatan dan menjauhi dari sebarang kemudharatan, bertepatan dengan konsep *Maslahah al-Mursalah* tidak tertumpu kemanfaatan yang diperolehi itu kepada satu pihak sahaja.

## **6.5 Waqaf Pertanian**

Waqaf dalam sektor pertanian bukan asing di kalangan masyarakat negara ini kerana ia telah memperlihatkan kepentingan dan keberkesannya dalam memajukan industri pertanian yang sedia ada dan merealisasikan amalan waqaf.

Terengganu mengamalkan saham waqaf dalam bentuk perwaqafan pokok beserta ladang kelapa sawit. Pokok dan ladang tersebut dibeli oleh pewaqaf dan kemudian diwaqafkan untuk memperoleh hasilnya dan diberikan kepada kumpulan anak-anak yatim di bawah pengurusan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim (PERKAYA). Hasil kutipan digunakan untuk membayar semula kepada Bank Agro atas pinjaman di awal pembelian aset berkenaan. Manakala lebihannya dijadikan dana kebajikan kepada anak-anak yatim ini, pengurusan PERKAYA dan pengurusan ladang tersebut (Siti Mashitoh Mahamood, 2009).

## **6.6 Model Waqaf Pendidikan**

### **1) Dana Wakaf Ilmu Universiti Putra Malaysia (UPM)**

Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil inisiatif melancarkan akaun Dana Waqaf Ilmu pada 2011 dengan tujuan memperkasa dana waqaf di kalangan masyarakat setempat dan turut mendapat kerjasama dari Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Ia melibatkan Skim Wakaf Pendidikan dan Skim Wakaf Penerbitan. Manakala sasaran penubuhan dana ini adalah menyediakan fasiliti dan kemudahan bagi melancarkan sesi pembelajaran, aktiviti yang berbentuk kerohanian, penyelidikan dan khidmat sosial dengan waqaf berbentuk wang tunai (Noor Eszereen, 2014).

### **2) Pusat Pembiayaan Wakaf Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**

Dengan menjadikan pengurusan waqaf korporat di Singapura sebagai model, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil langkah memperkenalkan kaedah waqaf dalam aspek pembiayaan pembangunan pendidikan dengan melibatkan gabungan konsep enterprise sosial, pematuhan syariah dan pembiayaan waqaf. Sasaran amalan waqaf ini adalah memberi perkhidmatan perubatan percuma kepada golongan asnaf yang menerima bantuan zakat di samping menyemarakkan pembangunan ekonomi generasi muslim dengan tertubuhnya Hospital Pengajar USIM dan Klinik Hemodialisis kelak. Sebagai permulaan, Klinik Pakar Kesihatan USIM telah dibina bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan dan pergigian dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) (Mohammad Alias dan Fuadah Johari, 2014).

Model waqaf pendidikan ini menyaksikan kepekaan umat Islam menyediakan saluran yang praktikal dalam pengamalan waqaf di negara ini. Ia melibatkan pemeliharaan agama, akal dan harta yang terkandung di dalam prinsip *Maslahah al-Mursalah* dalam menangani kemudharatan yang ada dan membekalkan kemanfaatan kepada semua.

## **7.0 PENUTUP**

Islam tidak pernah mengekang para penganutnya untuk melaksanakan sesuatu amalan sekalipun tidak ada hubungan dalam nas-nas. Peredaran waktu dan kemajuan hidup manusia hari ini menjadi asbab kepada pembinaan tata cara baharu di samping memelihara kesucian Islam dan kemaslahatan umat serta berpegang kepada prinsip syariah islamiah. Konsep *Maslahah al-Mursalah* sebagai tranformasi dalam merealisasikan amalan sesebuah waqaf agar ia tidak dipandang hanya berfungsi kepada isu ibadat. Antara cadangan agar ia dapat digemakkan lagi adalah meningkatkan keedaran ilmu



terhadap kepentingan waqaf, menyelaraskan saluran amalan waqaf supaya dilihat telus dan dipercayai dan meningkatkan kualiti penguatkuasaan dan pentadbiran dan agihan waqaf oleh pihak berkaitan. Oleh itu, adalah lebih menjadi tanggungjawab umat Islam berusaha meletakkan amalan waqaf ke taraf keperluan untuk saling membantu sesama insan dan menjadikannya satu ibadah yang dihormati dalam memartabatkan Islam dan memakmurkan alam seajagat.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Abdul Halim Sunny (2007). Dana Wakaf Untuk Pendidikan; Satu Tinjauan Awal, Jurnal Pengurusan JAWHAR. 1(2).
- Abdul Talib Hamid (2001). Kolej Islam Malaya; Analisis Sejarah Penubuhan dan Pentadbiran Awal, 1955-1965. Universiti Malaya.
- Abdul Wahab Khallaf (2009), *‘Ilm Usul Fiqh*. Maktabah al-Dakwah-Syabab al-Azhar, Cet. 8 Dar al-Qalam.
- Akta Pendidikan (1996). Akta 550. Dicapai daripada <[http:// http://www.polisas.edu.my](http://www.polisas.edu.my)>
- Al-Bajjuri, Burhanuddin Ibrahim al-Bajuri bin Syekh Muhammad al-Jizawi bin Ahmad, *Hasyiyah al-Bajjuri*, Beirut, Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, (1111). *al-Mustasfa*, h.174, al-Razi, *al-Mahsul*, Jil. 6, h. 221, al-Amadi, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, jil. 3, h. 315.
- Al-Khatib al-Syarbini (1997), *Mughni al-Muhtaj*, jil. 2. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, h. 485
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa al-Lakhmi al-Shatibi, t.t. *al-I‘tisam*, Riyad : Maktabah al-Riyad al-Hadithah,
- al-Zuhayli, Wahbah (2002). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil. 1. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Asmak Ab Rahman (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. <http://www.mainpp.gov.my/artikel/projekmainpp.htm>, 20 Ogos 2009.
- Asy-Syarbini (977H). *Mughni al-Muhtaj*, Kaherah, Mushthafa Halabi, J. 2.
- Bernama (2007). *JCorp Wakaf Saham Anak Syarikatnya RM200 juta*.
- Cizacka, Murat (1995). “Cash Waqfs of Bursa, 1555-1823,” *Journal of the Economic and Social History of the Orient*. Leiden: E.J.Brill, v.38, part 3, August 1995, h. 313.
- Direktorat Pemberdayaan Wakaf (2006). *Fiqih Wakaf*. Jakarta,
- Elsa Kartika Sari (2007). *Pengantar Hukum Zakat dan Wakaf*, Jakarta: Grasindo,
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram (1990), *Lisan al-‘Arab*, J. 9. Beirut: Dar Sadr,
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Majalah Milenia Muslim (2006). “Wakaf Korporat Pertama di Dunia”.
- Majlis Agama Islam Selangor(MAIS) (2006), “Laporan Tahunan 2006”,
- Mohammad Alias dan Fuadah Johari (2014). *USIM Majukan Wakaf Pendidikans*. Utusan online.
- Mohd Syakir Mohd Taib (2015). *Universiti Islam Malaysia (UIM); Wakaf Pendidikan Tinggi Pertama Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 375.
- Muhammad Bin Isa. (1975). *Jami’ As-Sahih Sunan Attirmizi*.n.pl : n.pb. Juzuk 5.Kitab mal-manaqib. Bab fi manaqib Uthman Bin Affan r.a. hadis 3705. h. 627
- Nawawi, t.t. *Ar-Raudhah*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiah, IV, h. 377.
- Noor Eszereen Juferi (2014). *UPM-MAIS Bekerjasama Urus Dana Wakaf Ilmu UPM*. <<http://www.upm.edu.my/berita/detailsupmmaisbekerjasamaBM>>

Pejabat Audit Negara Malaysia, *Laporan Ketua Audit Negara Negeri Melaka Tahun 2002*, h. 160.

Siti Mashitoh Mahamood (2009). Konsep dan Aplikasi Produk Waqaf Kontemporari Di Malaysia; Saham Waqaf dan Waqaf Saham.

Waqaf An-Nur Corporation Berhad(WANCorp), *Laporan Tahunan 2014, Hospital dan Klinik Waqaf,-Laporan dan Sumbangan WANCorp*, h. 44.

<http://www.jcorp.com.my/waqafannur/page.htm>, 20 Ogos 2009.